



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas)
(Pindaan) 1989**

DR.22/1989

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam di Malaysia telah diambil dan tindakan selanjutnya yang serupa diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia;

DAN BAHAWASANYA Parlimen berpendapat adalah perlu dihentikan tindakan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1989 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

Seksyen
baru 11D, 11E
dan 11F.
Akta 316.

2. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 11c, seksyen baru 11D, 11E dan 11F yang berikut:

“Kajian semula kehakiman akan tindakan atau keputusan Yang di-Pertuan Agong dan Menteri.

11D. (1) Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur di bawah Akta ini yang mengawalselia tindakan atau keputusan itu.

(2) Kekecualian mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika alasan-alasan adalah seperti yang diperihalkan dalam seksyen 6A.

Tafsiran
“kajian semula kehakiman”.

11E. Dalam Akta ini, “kajian semula kehakiman” termasuklah prosiding yang dimulakan dengan cara—

- (a) permohonan untuk apa-apa perintah prerogatif bagi *mandamus*, larangan dan *certiorari*;
- (b) permohonan untuk penetapan atau injunksi;
- (c) writ *habeas corpus*; dan
- (d) apa-apa guaman, tindakan atau prosiding undang-undang lain berhubungan dengan atau berbangkit daripada apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri mengikut Akta ini.

Mula
berkuat-
kuasanya
seksyen
11D dan
11E.

Akta A

11F. (1) Seksyen 11D dan 11E hendaklah terpakai bagi apa-apa prosiding yang dimulakan dengan cara kajian semula kehakiman akan apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri mengikut Akta ini, sama ada prosiding yang sedemikian telah dimulakan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1989.

(2) Sebutan mengenai prosiding dalam subseksyen (1) tidaklah termasuk sebutan mengenai prosiding yang telah tamat dan yang berkenaan dengannya keputusan muktamad mahkamah telah diberi sebelum mula berkuatkuasanya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1989, atau sebutan mengenai apa-apa rayuan atau apa-apa permohonan untuk rayuan terhadap keputusan muktamad sedemikian.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini diperbuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

2. *Fasal 2* memasukkan selepas seksyen 11c tiga seksyen baru, iaitu, seksyen 11D, 11E dan 11F.

Seksyen baru 11D menghapuskan daripada kajian semula kehakiman akan segala tindakan yang dilakukan dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka di bawah Akta kecuali mengenai apa-apa kehendak prosedur yang mengawalselia tindakan atau keputusan itu. Tujuan seksyen baru ini ialah untuk mengesahkan semula dengan tegas prinsip bahawa ujian subjektif terpakai bagi menentukan penggunaan yang wajar akan kuasa oleh Menteri menurut budi bicaranya sebagaimana yang

ditetapkan di dalam kes *Karam Singh lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1969] 2 MLJ 129, yang telah diikuti di dalam kes *Theresa Lim Chin Chin lwn. Ketua Polis Negara* [1988] 1 MLJ 293. Peruntukan ini adalah perlu untuk mengelakkan sebarang kemungkinan yang mahkamah-mahkamah akan menggantikan keputusan pihak Eksekutif dengan keputusan mereka mengenai perkara-perkara bersangkutan dengan ketenteraman awam negara sebagaimana yang telah dilakukan oleh mahkamah-mahkamah di negara asing tertentu di mana keputusan-keputusan mereka telah berlandaskan keadaan-keadaan yang berlainan sama sekali dengan keadaan-keadaan di Malaysia. Dalam perkara-perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam, adalah jelas bahawa pihak Eksekutif ialah pihak berkuasa yang paling sesuai untuk menimbang maklumat yang ada untuk menentukan langkah-langkah berjaga-jaga yang patut diambil dan mempunyai kata-putus dalam perkara-perkara sedemikian; dan bukannya mahkamah yang hanya dapat menimbang keterangan yang dibuktikan di hadapannya.

Istilah “kajian semula kehakiman” ditakrifkan di dalam seksyen baru 11E.

Seksyen baru 11F membuat peruntukan bahawa seksyen baru 11D dan 11E terpakai bagi prosiding yang dimulakan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1544.]